

**Demi Mengukuhkan Perpaduan Orang Melayu:**

# **Jangan Ketepikan Mahathir**

**KUALALUMPUR** - Tiada siapa boleh menafikan bahawa keadaan ekonomi, politik dan perpaduan dalam negara kebelakangan ini tidak begitu memberangsangkan. Ini disebabkan pelbagai isu yang telah bangkit dan dibangkitkan samada dengan sengaja ataupun tidak oleh beberapa pihak dalam UMNO, MCA, GERAKAN dan MIC apatah lagi dari parti pembangkang. Ini ditambah pula dengan campurtangan dari negarajiran, Singapura yang mendakwa bahawa masyarakat Cina di negara ini dipinggirkan secara sistematik atau dalam lain perkataan mereka tidak mendapat layanan yang sama seperti orang Melayu.

Isu-isu yang telah berbangkit, kebanyakannya amat sensitif seolah-olah cuba melaga-lagakan pemimpin-pemimpin UMNO atau orang Melayu dengan bukan Melayu.



**LIHAT  
MUKA 2**

# Jangan Ketepikan Mahathir

## Pak Lah, Dr M to meet?

Radzi hints 'something good' will happen soon, but won't elaborate

**PUTRAJAYA:** Home Minister Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad has given broad hints that a meeting is finally on the cards between the Prime Minister and his former boss.

Without any prompting from reporters who attended his press conference at the ministry's monthly meeting, Radzi said "something good" was going to happen in this Ramadan month and he was praying for it.

Asked what it was, he replied: "Something good lah. Who knows? The two men may have a change of heart".

Pressed whether there was an initiative to bring Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi and Tun Dr Mahathir Mohamad, face-to-face, he replied: "Things like this, you cannot publicise."

Radzi, who holds the powerful Umno secretary-general post, added: "We just pray. We have

13 days to go (before Ramadan ends). *Insyallah* (God-willing)."

However, he said he was not ready to reveal anything yet. Abdullah's administration has been heavily criticised by Dr Mahathir over what the former prime minister alleged as weak leadership and misdeeds in managing the country.

There had been private initiatives to mend ties between the two but so far none successful.

On a related matter, Radzi said an invitation to Dr Mahathir to attend the Umno general assembly next month would be sent out after the Hari Raya break.

Regarding the complaints of money politics at the Kubang Pasu Umno division meeting by five members, Radzi said the matter was now in the hands of the disciplinary board.

"People have the impression that as the secretary-general I

will know everything. I don't, interfere at all.

"The complaints will go through the board's secretariat. They are totally independent of my office" he added.

Radzi said that once the board finishes their investigation, he would get a copy of the findings and forward it to the management committee chaired by Umno deputy president Datuk Sen Najib Tun Razak.

**Mungkinkah keratan akhbar 'The Star' bertarikh 11 Oktober 2006 yang menyebut kemungkinan Pak Lah dan Mahathir akan bertemu dalam masa terdekat menjadi kenyataan? Inilah detik yang dinantikan oleh seluruh ahli UMNO serta rakyat.**

Namun di sebalik segala tuduhan dan tohmahan tersebut; Wanita dan Pemuda UMNO seolah-olah hilang taring dan tidak bersuara untuk mempertahankan segala kritikan yang melanda parti.

Persoalannya, apakah yang menyebabkan semua ini berlaku pada masa ini? Rasanya Kerajaan dibawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melakukan segala yang terbaik tetapi samada pemimpin sedar ataupun tidak, sebahagian besar rakyat kini hilang keyakinan kerana perta ma sekali disebabkan keadaan ekonomi yang lembab dan ini menyebabkan ramai peniaga tidak mendapat hasil daripada perniagaan mereka seperti yang boleh kita lihat di mana kedai-kedai makan yang dahulunya penuh sesak dengan pelanggan, kini tidak kelihatan lagi.

Perniagaan lain seperti penjualan kereta juga telah terjejas teruk dan sudah banyak yang gulung tikar kerana tidak ada pembeli disebabkan mereka tidak mempunyai wang. Dan banyak lagi contoh yang menyebabkan rakyat jelata kecewa dan tidak tahu apakah akan terjadi kepada nasib mereka.

Ini ditambah pula dengan perselisihan faham di antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri kini, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Sedikit sebanyak, ini telah menambah kepada kekusutan yang berlaku. Untuk mengatasi dilema ini, satu formula yang terbaik ialah bagi Kerajaan terutamanya UMNO tidak mengempenik bekas pemimpin negara, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

### PERPADUAN

Biar apapun kesilapan dan kelemahan beliau di masa lalu dan kini, Kerajaan mesti positif dan menggunakan kepakaran, pengalaman dan pemikiran beliau. Beliau sanggup menjadi tidak popular dan dipinggirkan semata-mata kerana tidak mahu melihat negara dan rakyatnya bermasalah dan UMNO lemah.

Beliau juga mahukan perpaduan yang kukuh di kalangan orang Melayu dan ketentera m

an hidup dalam negara pelbagai kaum aman damai dan tidak mempunyai niat lain dari pada itu.

Dr. Mahathir masih mampu berfikir dan memberi pendapat yang boleh digunapakai untuk kebaikan semua. Tetapi apabila beliau dicemuh, dikritik dan dipinggirkan dan tidak diberi kebebasan untuk bercakap dan bertemu dengan ahli-ahli parti yang pernah diterajunya selama 22 tahun, maka sudah tentunya beliau sedih dan kecewa.

Sepatutnya UMNO dan Kerajaan menggunakan pengalaman dan pemikiran beliau yang sudah terbukti bukan sahaja di dalam negara bahkan negara-negara luar juga telah mengiktiraf beliau sebagai seorang pemimpin yang mempunyai visi yang jauh, tegas dan berani.

Tidak ada pemimpin seperti Dr. Mahathir yang begitu berani menegur dan mengkritik pemimpin dunia yang angkuh seperti Presiden George Bush. Tetapi malang sungguh kerana Kerajaan dan UMNO tidak mengiktiraf negarawan ini selepas bersara. Sesungguhnya beliau dihina pula.

Untuk menstabilkan negara, Kerajaan dan UMNO mesti berfikir panjang dan jauh dengan merapat dan menjalin semula hubungan baik dengan bekas pemimpin itu.

Hanya Kerajaan yang diterajui Parti UMNO sahajalah yang harus mengiktiraf Dr. Mahathir dan jika boleh melantik beliau sebagai penasihat kepa-

da Kerajaan untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang telah timbul atau akan dihadapi. Rasanya tidak merugikan jika Dr. Mahathir diberi kedudukan dan penghormatan yang tinggi supaya beliau boleh memberi nasihat dan pendapat dari masa ke semasa untuk membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan barisan kabinetnya.

### PERPADUAN

Jika Singapura sehingga kini masih tidak mahu melepaskan bekas Perdana Menteri, Lee Kuan Yew yang dilihat tidak begitu cerdik seperti Dr. Mahathir boleh dipertahankan, kenapa Dr. Mahathir tidak diberi penghormatan yang sama atau lebih dari itu?

Apakah kesalahan besar Dr. Mahathir kepada agama, bangsa dan negara?

Semasa beliau menjadi Perdana Menteri, ramai pemimpin yang berkata bahawa dalam 100 atau 150 tahun lagi, kita mungkin tidak akan bertemu atau mendapat seorang pemimpin yang bijaksana dan berani seperti Dr. Mahathir.

Oleh itu patutkah beliau dicampakkan ke tepi? Mungkin ini berlaku disebabkan kita fikir kita mampu buat keputusan sendiri.

Orang-orang UMNO kenalah duduk sejenak untuk memikirkan sedalam-dalamnya perkara ini sebelum terlambat kerana musuh-musuh yang

ingin melihat orang Melayu semakin lemah dan bercakaran sentiasa menunggu kepada saat tersebut.

Justeru itu, kita merayu supaya pemimpin-pemimpin UMNO memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir dan Pak Lah berbaik semula dan pada Perhimpunan Agung UMNO yang akan datang ini, Dr. Mahathir diberi tempat dan peluang, bukan sahaja untuk hadir tetapi untuk berucap kepada ahli-ahli yang amat merindui kehadiran dan nasihat beliau.

Kita yakin bahawa Dr. Mahathir tidak akan menyalahgunakan penghormatan tersebut untuk mencera, mencaci atau mengkritik kerajaan pimpinan Pak Lah atau Pak Lah sendiri.

Sebaliknya, kehadiran Dr. Mahathir di Perhimpunan itu akan memulihkan semula perpaduan di antara orang Melayu khususnya orang UMNO

yang kini dilihat sudah berpecah.

Adakah peristiwa lama akan berulang di mana Bapa Kemerdekaan dan bekas Presiden UMNO, almarhum Tun ku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dipujuk untuk hadir ke Perhimpunan Agung UMNO biarpun ketikaitu Tunku telah pun meninggalkan parti kesayangannya dan menjadi penasihat kepada Parti Semangat 46.

Kehadiran Tunku di Perhimpunan UMNO pada ketika itu telah berjaya menyatukan orang-orang UMNO dan orang Melayu keseluruhannya apabila bila Presiden UMNO di masa itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun) dengan rendah diri sanggup melupakan persengketaan yang berlaku antara beliau dengan Tunku serta mengundang Tunku untuk hadir di Perhimpunan Agung UMNO itu.

Tunku sanggup hadir semata-mata untuk memulihkan perpaduan Melayu biarpun beliau telah mempunyai temu janji dengan Raja Fahd di Jeddah pada masa dan hari yang sama diadakan Perhimpunan Agung UMNO.

Dr. Mahathir kembalidisanjung dan populariti beliau meningkat kerana sikap beliau yang tidak berdendam dan sanggup menerima Tunku yang sebelum itu ramai yang menganggap Tunku sebagai musuh UMNO kerana kerap mengkritik kepimpinan Dr. Mahathir.

Tidak mustahil Pak Lah akan diberi sanjungan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kerana sikap beliau yang magnanimous (baik hati, pemurah dan pemaaf).

**"... kita merayu supaya pemimpin-pemimpin UMNO memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir dan Pak Lah berbaik semula dan pada Perhimpunan Agung UMNO yang akan datang ini, Dr. Mahathir diberi tempat dan peluang, bukan sahaja untuk hadir tetapi untuk berucap kepada ahli-ahli yang amat merindui Kehadiran dan nasihat beliau"**